



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PELESTARIAN BAHASA KENSU DI KAMPUNG LUBUK LEGONG,
KEDAH, MALAYSIA**

NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM

FBMK 2018 77



**PELESTARIAN BAHASA KENSIU DI KAMPUNG LUBUK LEGONG,
KEDAH, MALAYSIA**

Oleh

NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM

**Tesis ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah,
Universiti Putra Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2018

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta© Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PELESTARIAN BAHASA KENSIU DI KAMPUNG LUBUK LEGONG,
KEDAH, MALAYSIA**

Oleh

NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM

Oktober 2018

Pengerusi: Profesor Madya Mohd Sharifudin bin Yusop, PhD
Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi

Fenomena keterancamannya bahasa banyak berlaku kepada bahasa minoriti khususnya bahasa orang Asli. Menurut kajian lepas, bahasa Kensiou merupakan salah satu bahasa orang Asli yang telah mengalami ancaman kepupusan. Dengan jumlah penutur seramai 292 orang sahaja bahasa ini seolah-olah berpotensi untuk mengalami kepupusan kerana memiliki jumlah penutur yang sedikit dan bersifat minoriti. Berdasarkan hakikat ini pengkaji akan mengenal pasti aspek leksikal dalam bahasa Kensiou mengikut senarai Swadesh dengan menggunakan teori leksikostatistik yang dipelopori oleh Keraf (1984), menganalisis pemillihan dan penggunaan bahasa masyarakat Kensiou berdasarkan domain dan menghuraikan pelestarian bahasa Kensiou berdasarkan kerangka tipologi keterancamannya bahasa Edward (1992), Sasse (1992) dan Grimes (2002). Oleh itu persoalan yang akan dijawab berdasarkan objektif ini ialah berkenaan pelestarian bahasa orang Asli di Kampung Lubuk Legong berdasarkan leksikal, pemilihan melalui domain dan tipologi keterancamannya bahasa. Seramai 150 responden digunakan dalam kajian ini yang terdiri dari kelompok umur 6 hingga 17 tahun, 18 hingga 39 tahun dan 40 ke atas. Pengkaji menggunakan pendekatan etnografi dan pengumpulan data diperoleh daripada kaedah temu bual, pemerhatian, tinjauan, kepustakaan dan soal selidik. Dapatan kajian berdasarkan senarai Swadesh menunjukkan bahasa Kensiou telah mengalami beberapa perubahan leksikal dan fonologi. Hal ini menunjukkan bahasa Kensiou telah mengalami pengembangan bahasa. Manakala dalam kata bertema seperti leksikal cuaca, tubuh badan, panggilan dalam keluarga, tumbuhan dan hutan, bentuk muka bumi dan perlakuan perasaan bahasa Kensiou dilihat masih mengekalkan keaslian bahasanya. Berdasarkan sikap pemilihan bahasa dalam kalangan orang Asli Kensiou dilihat bahasa ibunda mereka dapat dilestarikan dalam domain kekeluargaan, domain kejiranan, domain kemasyarakatan dan domain sendiri. Huraian tipologi keterancamannya bahasa pula menunjukkan bahasa Kensiou masih boleh dilestarikan dalam kelompok mereka kerana masih menjadi bahasa utama dalam kalangan masyarakatnya. Kesimpulannya, bahasa Kensiou dikategori dalam bahasa yang stabil tetapi terancam, iaitu bahasa yang digunakan oleh semua kanak-kanak dan orang dewasa tetapi jumlahnya sangat sedikit. Jika dibandingkan dengan tahap UNESCO pula bahasa Kensiou berada dalam keadaan yang selamat iaitu masih digunakan oleh semua peringkat umur dari kanak-kanak lagi.

Walaupun bahasa Kentsiu masih terpelihara tetapi usaha pelestarian perlu dilakukan untuk memastikan bahasa ini kekal pada masa hadapan.



Abstract of thesis present to the Senat of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Degree of Doctor of Philosophy

**THE PRESERVATION OF KENSIU LANGUAGE IN KAMPUNG LUBUK
LEGONG, KEDAH, MALAYSIA**

By

NUR FAAIZAH BINTI MD ADAM

October 2018

**Chairman: Associate Professor Mohd Sharifudin Yusop, PhD
Faculty: Modern Language and Communication**

The phenomenon of language threatening occurs in minority languages especially in indigenous (Orang Asli) languages. According to the previous research, Kensiu language is one of the Orang Asli languages that has experienced the threat of extinction with only 292 total number of speakers. This language seems have a potential to experience the extinction as it has a small number of speakers. To the extend of this fact, the researcher will identify the lexical aspects of the Kensiu language according to the Swadesh list by using lexicostatistic theory pioneered by Keraf. Besides that, this research will analyse the language acquisition and use of the Kensiu language based on the mandala and elaborating the Kensiu language preservation based on the Typology of Threatening Language by Edward (1992), Sasse (1992) and Grimes (2002). Hence, from these objectives this research will answer the questions pertaining to the preservation of Orang Asli language in Kampung Lubuk Legong based on its lexical, domain-based selection and the typology of threatening language. There are 150 respondents were involved in this study consisting the age group of 6 to 17 years old, 18 to 39 years old and 40 years old above. Researcher uses the ethnographic approach and the data collection is obtained from interview, observation, survey, literature review and questionnaire. The findings of the Swadesh list shows that Kensiu language has undergone some lexical and phonological changes and its proves that Kensiu has experienced language development. Meanwhile, in the thematic terms such as weather, body parts, address terms in a family, plants and forests, landform and feelings, the Kensiu are seen to still remain the authenticity of the language. Refers to the attitude of language selection among orang Asli Kensiu, their native language can be preserved in the domain of family, neighborhood, community and self-directed. The typology of threatening language indicates that Kensiu language can still be preserved in their group because it is still the main language among its community. In conclusion, the Kensiu language can be categorized in a stable but endangered language as it is used by all children and adults but in a very small number of speakers. Compared to the UNESCO level, the Kensiu language is in a safe state that is still used by all ages from the other children. Although Kensiu is still preserved, conservation efforts need to be taken to ensure that the language remains in the future.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana izin dan restu-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

Saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop selaku Pengerusi Penyeliaan Tesis yang telah meluangkan masa dengan penuh kesabaran untuk memberikan bimbingan dengan penuh dedikasi dan nasihat yang baik dan bernas, menyumbang idea yang pelbagai dan meluas, menjana buah fikiran yang kreatif dan memberi kritikan yang kritis serta menjadi perangsang dan penyokong moral sehingga siapnya penulisan tesis ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada Prof Madya Dr Norazlina Binti Mohd Kiram dan Dr Hasnah Binti Mohamad selaku Jawatankuasa Penyeliaan Tesis yang sentiasa memberi sokongan dan bimbingan sepanjang penulisan tesis ini dijalankan.

Ucapan ribuan terima kasih juga saya kepada Tok Batin orang Asli Kensiu iaitu Batin Razali Bin Kulim, Syamsiah Binti Kulim sebagai pembantu dan penduduk Kampung Lubuk Legong, Baling Kedah yang telah memberikan kerjasama yang baik sewaktu proses pengutipan data dan soal selidik dijalankan. Penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Perpustakaan Orang Asli Gombak, Muzium Orang Asli Gombak, Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia dan Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat bonda Azizah Binti Nordin dan ayahanda Md Adam Bin Abu Bakar yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberikan sokongan dan berdoa untuk kejayaan saya. Tidak dilupakan juga kepada adik beradik yang sentiasa memberi semangat, pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang tidak jemu-jemu menyampaikan ilmu, rakan seperjuangan dan kepada semua yang pernah membantu saya. Harapan saya semoga tesis ini dapat memberi manfaat dan faedah kepada kita semua.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada _____ untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Nur Faaizah Binti Md Adam bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Status Bahasa Kensu di Kampung Lubuk Legong, Baling, Kedah” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A)106] _____. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahasa calon ini layak dianugerahi Ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Adi Yasran bin Abdul Aziz, PhD

Professor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD

Professor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Professor Madya
Jabatan Bahasa Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammad Fadzeli Jaafar, PhD

Professor Madya
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Universiti Kebangsaan Malaysia
(Pemeriksa Luar)

(RUSLI HAJI ABDULLAH, PhD)

Profesor dan Timbalan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Mohd Sharifudin Bin Yusop, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Norazlina Binti Kiram, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

Hasnah Binti Mohamad, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli Jawatankuasa)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: Nur Faaizah Binti Md Adam, GS43555

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakuan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Prof. Madya Dr. Norazlina Kiram

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan: Dr Hasnah Mohamad

ISI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL	xv
BAB	
1	
PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.1.1 Ikhtisar Sejarah Masyarakat Asli di Malaysia	5
1.1.2 Suku Bangsa Negrito	7
1.1.3 Orang Asli Kensiu	8
1.1.4 Latar Belakang Orang Asli di Lubuk Legong, Baling	8
1.1.5 Bahasa dan Dialek Orang Asli	10
1.1.6 Bahasa Suku Bangsa Negrito	12
1.2 Pernyataan Masalah	14
1.3 Objektif Kajian	17
1.4 Soalan Kajian	17
1.5 Kepentingan Kajian	17
1.6 Batasan Kajian	18
1.7 Definisi Operasional	19
1.7.1 Pelestarian Bahasa	19
1.7.2 Orang Asli Kensiu	20
1.8 Kesimpulan	22
2	
SOROTAN KAJIAN	23
2.1 Pengenalan	23
2.2 Sejarah Ringkas Kajian Bahasa Orang Asli di Malaysia	23
2.3 Kajian Berkaitan Orang Asli Kensiu	26
2.4 Kajian Berkaitan Pelestarian Bahasa	29
2.5 Perkaitan Sorotan Kajian Lepas dengan Penyelidikan	34
2.6 Kesimpulan	35
3	
METODOLOGI KAJIAN	37
3.1 Pengenalan	37
3.2 Reka Bentuk Kajian	37
3.2.1 Etnografi	38
3.2.2 Teori Leksikostatistik	40
3.2.3 Teori Domain Fishman (1972)	41
3.2.4 Teori Keterancaman Bahasa	42
3.3 Kerangka Konsepsi Kajian	47
3.4 Pendekatan Kajian	48
3.5 Kaedah Pengumpulan Data	48

3.5.1	Kaedah Temu Bual	48
3.5.2	Kaedah Pemerhatian	50
3.5.3	Kaedah Tinjauan	51
3.5.4	Kaedah Kepustakaan	51
3.5.5	Kaedah Penganalisan Data	52
3.6	Instrumen Kajian	53
3.6.1	Teknik Soal Selidik	53
3.6.2	Teknik Lafaz	53
3.6.3	Teknik Rakaman	54
3.7	Lokasi Kajian	54
3.8	Populasi dan Pensampelan	54
3.9	Pemboleh Ubah	56
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan Kajian	56
3.11	Tatacara Kajian	56
3.11.1	Kajian Rintis	56
3.11.2	Kajian Sebenar	57
3.12	Pertimbangan Etika	57
3.13	Kesimpulan	58
4	KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	59
4.1	Pendahuluan	59
4.2	Demografi Respoden	59
4.2.1	Jantina	62
4.2.2	Status	64
4.2.3	Peringkat Umur	66
4.2.4	Tempat Lahir	69
4.2.5	Pegangan Agama	70
4.2.6	Pendidikan	70
4.2.7	Pekerjaan	72
4.2.8	Kebolehan Berbahasa	73
4.3	Ciri Linguistik Bahasa Kensiu	74
4.3.1	Vokal	75
4.3.2	Analisis Leksikal	75
4.4	Mengenal Pasti Aspek Leksikal BK Mengikut Senarai Swadesh76	76
4.5	Pasangan Perkataan Yang Berkognat	82
4.6	Pasangan Perkataan Yang Tidak Berkognat	84
4.7	Pengiraan Tingkat Kekerabatan BM Dan BK	87
4.8	Analisis Leksikal Bertema BK	89
4.8.1	Cuaca	90
4.8.2	Bahagian Tubuh Badan	90
4.8.3	Kata Sapaan Kekeluargaan dan Kata Sapaan	92
4.8.4	Binatang	93
4.8.5	Tumbuhan dan Hutan	94
4.8.6	Peralatan dan Bahagian dalam Rumah	95
4.8.7	Pakaian dan Perhiasan	97
4.8.8	Bentuk Muka Bumi	98
4.8.9	Perlakuan dan Perasaan	99
4.9	Senarai kata BK Berdasarkan Data Bishop Nancy (1992), Ivor H. N. Evans(1968) dan Terkini (2017)	100
4.10	Penggunaan Bahasa Kensiu	105

4.10.1	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Kekeluargaan	108
4.10.2	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Kejiranan	112
4.10.3	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Kemasyarakatan	113
4.10.4	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Keagamaan	116
4.10.5	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Kendiri	119
4.10.6	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Pendidikan	123
4.10.7	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Jual Beli	126
4.10.8	Pemilihan Bahasa dalam Mandala Perkhidmatan	128
4.11	Ciri Tipologi Keterancaman Bahasa Berdasarkan Sikap Penutur	129
4.11.1	Perasaan Orang Kensi Terhadap BK	130
4.11.2	Penilaian Tentang Pembelajaran BK	130
4.11.3	Keperluan Penggunaan BK dalam Kalangan Penduduk KLL	132
4.11.4	Keperluan BK dalam Kalangan Anggota Keluarga Kensi	133
4.11.5	Keperluan Kanak-Kanak Kensi Belajar BK	133
4.11.6	Keperluan Orang Dewasa Kensi Belajar BK	134
4.11.7	Keperluan BK Diajarkan di Sekolah	135
4.11.8	Keperluan BK dalam Adat dan Agama	136
4.11.9	Keperluan Orang Lain Mengetahui BK	136
4.11.10	Ramalan Masa Hadapan Bahasa Kensi	137
4.11.11	Kaitan BK Dengan Identiti Orang Asli Kensi	138
4.11.12	Pengetahuan Tentang Asal-Usul BK	138
4.11.13	Komuniti BK di Tempat Lain	139
4.11.14	Identifikasi Diri	140
4.11.15	Pengetahuan Cara Melestari BK	140
4.12	Kesimpulan	141
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	144
5.1	Pendahuluan	144
5.2	Rumusan	144
5.2.1	Leksikal Bahasa Kensi	144
5.2.2	Pemilihan dan Penggunaan Bahasa Kensi	146
5.2.3	Teori Keterancaman dan Daya Tahan Bahasa Kensi	149
5.3	Implikasi Dapatan Kajian	151
5.4	Cadangan	153
5.5	Cadangan Lanjutan	155
5.6	Kesimpulan	155
	BIBLIOGRAFI	158
	LAMPIRAN	170
	BIODATA PELAJAR	188
	PENERBITAN	189

SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1.1	Bahasa-Bahasa di Semenanjung Malaysia	9
1.2	Klasifikasi Bahasa Orang Asli Menurut Benjamin (1976)	9
1.3	Kategori Rumpun Bahasa dan Suku Kaum Orang Asli	18
1.4	Jumlah Penduduk Orang Asli Mengikut Suku Kaum Tahun 2012	19
3.1	Kerangka Model Kajian Mandala Berasaskan Teori Domain Fishman (1972)	37
3.2	Kerangka Tipologi Bahasa Minoriti Edward (1992)	38
3.3	Model Teoritikal Kematian Bahasa Sasse (1992)	40
4.1	Ciri Demografi Responden Kensiu	54
4.2	Taburan Jantina Responden Kensiu	57
4.3	Taburan Taraf Perkahwinan Responden Kensiu	58
4.4	Taburan Umur Responden Kensiu	60
4.5	Taburan Keturunan Ibu Bapa Responden Kensiu	61
4.6	Taburan Tempat Kelahiran Responden Kensiu	62
4.7	Taburan yang Pernah Tinggal Di luar Penempatan Atau Tidak Responden Kensiu	62
4.8	Taburan Pegangan Agama Responden Kensiu	63
4.9	Taburan Pendidikan Responden Kensiu	64
4.10	Taburan Pekerjaan Responden Kensiu	65
4.11	Taburan Kebolehan Berbahasa Responden Kensiu	66
4.12	Perbandingan Kosa Kata BM dan BK Mengikut Daftar Swadesh	69
4.13	Perkataan BM dan BK Berbeza dari Segi Vokal dan Konsonan	74
4.14	Penambahan dan Pengguguran Leksikal dalam BK dan BM	75
4.15	Perkataan BK dan BM yang Mempunyai Persamaan Seratus Peratus	75
4.16	Perkataan BK dan BM yang Tidak Berkognat	76
4.17	Perkataan BK yang Berkognat dengan BM	79
4.18	Pengelasan Bahasa Berdasarkan Tingkat Keperabatan	80
4.19	Leksikal Cuaca	82
4.20	Leksikal Bahagian Tubuh Badan	82
4.21	Leksikal Sapaan Kekeluargaan	83
4.22	Leksikal Binatang	84
4.23	Leksikal Tumbuhan dan Hutan	85
4.24	Leksikal Peralatan dan Bahagian Rumah	87
4.25	Leksikal Pakaian dan Perhiasan	88
4.26	Leksikal Bentuk Muka Bumi	89
4.27	Leksikal Perlakuan dan Perasaan	90
4.28	Senarai Kata Bahasa Kensiu yang Mengalami Perubahan Bahasa dari Aspek Leksikal	93
4.29	Senarai Kata BK yang Masih Mengekalkan Leksikal dan Bunyi	95
4.30	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Datuk dan Nenek	98
4.31	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Ibu Bapa	98
4.32	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Ipar	99
4.33	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Mentua	99
4.34	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Besan	100
4.35	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Biras	100
4.36	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Suami atau Isteri	100

4.37	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Saudara Mara, Adik Beradik dan Panggilan dalam Keluarga	101
4.38	Peratus Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Kekeluargaan	101
4.39	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Jiran yang Lebih Tua	102
4.40	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Jiran yang Bukan Kensi	102
4.41	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Anak Jiran yang Bukan Kensi	103
4.42	Peratus Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Kejiranan	103
4.43	Pemilihan Bahasa Ketika Bermesyuarat	103
4.44	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi Semasa Gotong-Royong	104
4.45	Pemilihan Bahasa Ketika Sambutan Perayaan	104
4.46	Bahasa yang Digunakan dalam Majlis Adat	105
4.47	Pemilihan Bahasa Ketika Majlis Perkahwinan	105
4.48	Peratusan Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Kemasyarakatan	105
4.49	Pemilihan Bahasa Ketika Mesyuarat Keagamaan dan Perayaan	106
4.50	Pemilihan Bahasa Ketika Berdoa	106
4.51	Pemilihan Bahasa Ketika Berbual di Majlis Keagamaan di Masjid	107
4.52	Pemilihan Bahasa Ketika Majlis Kematian	107
4.53	Pemilihan Bahasa dalam Alatan Keagamaan dan Sembahyang	107
4.54	Peratusan Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Keagamaan	108
4.55	Pemilihan Bahasa yang Digalakkan oleh Ibu Bapa kepada Anak-Anak	108
4.56	Kebanyakan Anak-Anak dan Cucu Boleh Berkomunikasi dalam Bahasa Apa	109
4.57	Bahasa yang Ingin Dipelajari oleh Responden	109
4.58	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Orang yang Tidak Dikenali	110
4.59	Pemilihan Bahasa Ketika Berbincang Perkara Peribadi	110
4.60	Pemilihan Bahasa Ketika Mendapatkan Pekerjaan yang Lebih Baik	110
4.61	Pemilihan Bahasa Keseluruhan Masyarakat Kensi	111
4.62	Bahasa yang Selesa Digunakan Semasa Berkomunikasi	111
4.63	Peratusan Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Kendiri	111
4.64	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Pelajar Bukan Kensi	112
4.65	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Rakan Sekelas	113
4.66	Pemilihan Bahasa Ketika Bermain dengan Rakan Sekelas	113
4.67	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Guru di Kelas	113
4.68	Pemilihan Bahasa yang Banyak Digunakan Ketika Berada di Sekolah	114
4.69	Peratus Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Pendidikan	114
4.70	Pemilihan Bahasa Ketika Berurusan di Pasar dan Kedai	115
4.71	Pemilihan Bahasa Ketika Membeli Hasil Hutan	115
4.72	Pemilihan Bahasa Ketika Berurusan di Kedai Makan	116
4.73	Peratus Keseluruhan Pemilihan BK dalam Mandala Jual Beli	116
4.74	Pemilihan Bahasa Ketika Berurusan di Klinik dan Hospital	116
4.75	Pemilihan Bahasa Ketika Berurusan di Pejabat Kerajaan dan Swasta	117
4.76	Pemilihan Bahasa Ketika Berkomunikasi dengan Rakan Sekerja	117

4.77	Peratus Pemilihan Keseluruhan BK dalam Mandala Perkhidmatan	117
4.78	Perasaan Terhadap BK	118
4.79	Penilaian Pembelajaran BK	119
4.80	Keperluan Penggunaan BK dalam Kalangan Penduduk KLL	120
4.81	Keperluan BK dalam Kalangan Anggota Keluarga	121
4.82	Keperluan Kanak-Kanak Kensi Belajar BK	121
4.83	Keperluan Orang Dewasa Kensi Belajar BK	122
4.84	Keperluan BK Diajarkan di Sekolah	123
4.85	Keperluan BK Digunakan dalam Upacara Adat	123
4.86	Keperluan Orang Lain Mengetahui BK	124
4.87	Penggunaan BK Pada Masa Hadapan	125
4.88	Kaitan Identiti dengan BK	125
4.89	Pengetahuan Tentang Asal Usul BK	126
4.90	Komuniti BK di Tempat Lain	126
4.91	Identifikasi Diri	127
4.92	Cara Melestarikan BK	128
5.1	Peratusan Perbezaan Pemilihan BK dengan BM	133

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
1.1	Peta Petempatan Orang Asli Kensiu di Semenanjung Malaysia	8
1.2	Negrito Cabang dari Bahasa Senoi	12
1.3	Pengkelompokan Bahasa Menurut Diffloth	12
3.1	Kerangka Konsepsi Kajian	42



SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL

BK	Bahasa Kensi
BM	Bahasa Melayu
KLL	Kampung Lubuk Legong
Bil	Bilangan
%	Peratus
IPA	International Phonetic Alphabet
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Manusia menggunakan bahasa untuk berkomunikasi, meluahkan perasaan, menyampaikan ilmu, memberi arahan, menipu, mengugut dan sebagainya. Tanpa bahasa, sesuatu masyarakat akan mengalami kesukaran untuk berhubung antara sama lain. Bahasa juga mencerminkan pemikiran, sikap, kebudayaan dan peradaban sesuatu bangsa yang dapat diturunkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Justeru itu, dengan bahasa seseorang dapat mengenal jati diri, tamadun dan kebudayaan sesuatu bangsa dengan lebih dekat.

Luckmann (1975) menyatakan setiap kali dibuat penyelidikan tentang manusia dan alam sekitarnya, maka bahasa masyarakat tersebut banyak menyumbangkan maklumat tentang masyarakat dan alam sekitarnya yang dikaji itu. Wilhelm Von Humboldt (1767-1835) juga menyatakan daripada kajian bahasa, kita dapat mengetahui budaya, pandangan hidup, adat resam, cara berfikir, pegangan dan warisan masyarakat tersebut.

Menurut Chaer Abdul (2004), hubungan bahasa dan masyarakatnya rapat dan bersatu. Kedua-duanya saling perlu memerlukan. Masyarakat memerlukan bahasa untuk berkomunikasi dan sosialisasi. Bahasa pula digunakan dengan meluas oleh ahli masyarakat untuk proses komunikasi dan sosialisasi antara mereka. Jelas di sini bahasa menjadi alat perantaraannya.

Sesuatu bentuk komunikasi atau ayat-ayat yang diujarkan tidak dianggap sebagai bahasa, sekiranya tidak mempunyai penutur aslinya. Misalnya ayat-ayat yang sengaja direka-reka dan tidak mempunyai maksud. Ternyata sesebuah bahasa yang kehilangan penuturnya atau bahasa yang direka tanpa persetujuan bersama dan tanpa penuturnya akan lenyap dan tidak dianggap sebagai bahasa. Contohnya, bahasa Esperanto yang dicipta untuk kegunaan di peringkat antarabangsa telah menemui kegagalan kerana tidak mempunyai penutur asli. Besar atau kecil jumlah penuturnya tidak menjadi masalah asalkan ada penutur aslinya yang menggunakan bahasa tersebut. Begitu juga dengan bahasa Sanskrit yang pupus, tidak lagi dianggap sebagai bahasa kerana bahasa tersebut hanya digunakan dalam upacara keagamaan sahaja dan bukan untuk tujuan komunikasi. Sifat bahasa yang mempunyai penutur asli ini telah membolehkan pelbagai kajian dibuat dalam linguistik seperti dialektologi, sosiolinguistik, linguistik sejarah, linguistik bandingan dan sebagainya.

Hassan Ahmad (2009), menjelaskan ungkapan bahasa menunjukkan bangsa dan pupus bahasa maka pupuslah bangsa. Sesuatu bangsa dapat dikenali melalui bahasanya. Pentingnya bahasa sesuatu kaum mempunyai perkaitan yang begitu rapat dengan pelestarian sesuatu budaya.

Mohd Sharifudin Yusop (2007), mengatakan bahawa kekebalan jati diri manusia yang sentiasa berhadapan dengan ancaman dan perubahan ialah bahasa. Ungkapan bahasa menunjukkan bangsa terpakai untuk semua masyarakat, selagi bahasa berperanan sebagai medium perhubungan yang mutlak.

Menurut Zainal Abidin bin Masleh (2011) pula, bahasa hidup kerana hidupnya manusia dan matinya bahasa juga kerana matinya manusia. Penyataan ini membuktikan manusialah yang mewujudkan bahasa agar terus bertahan di muka bumi ini. Tanpa manusia sebagai penutur bahasa akan diancam kepupusan atau kematian. Oleh itu, perbincangan dan pengkajian oleh para sarjana terhadap bahasa minoriti perlu dilakukan agar bahasa tidak mengalami kepupusan dan kematian begitu sahaja tanpa melakukan tindakan yang sewajarnya.

Pengkaji Barat seperti Weinreich (1986) dan Giglioli (1990), menjelaskan persaingan yang terjadi antara bahasa peribumi, bahasa kebangsaan dan bahasa asing menjadi kekhawatiran punahnya sesuatu bahasa bukan sesuatu yang berbentuk andaian atau anggapan. Oleh itu, dengan analisis bahasa bagi suku kaum orang Asli ini dapat mengelakkan sesuatu bahasa itu daripada hilang dalam arus pemodenan ini dan terus menjadi panduan dan rujukan kepada pembaca, seterusnya dapat mengetahui cerminan minda dan kebudayaan sesuatu kaum dalam masyarakat orang Asli.

Hashim Musa (2008) menjelaskan kedudukan dan peranan bahasa dengan diri manusia dan masyarakatnya amat signifikan selain menjadi alat komunikasi. Asas dan unsur utama dalam pembentukan sesebuah peradaban memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri, memupuk perpaduan dan maruah masyarakat penutur. Selain itu, pembentukan peradaban juga mencerminkan kehalusan dan kesopanan budi bahasa, memupuk semangat kekitaan dan ketinggian adab susila. Oleh itu, seharusnya masyarakat sedar akan kepentingan bahasa yang bukan sahaja menjadi wadah penyampaian maklumat malah membolehkan diri manusia dibentuk dan dicorak mengikut disiplin yang telah ditetapkan. Individu juga boleh mengetahui sifat dalaman yang ada dalam diri satu-satu individu apabila bahasa diungkapkan.

Thieberger (1990) pula berpendapat bahawa bahasa merupakan salah satu aset semula jadi dalam sesebuah negara yang mencirikan identiti masyarakat yang diwakili. Oleh sebab itu, kehilangan aset semula jadi khususnya bahasa orang Asli merupakan satu kerugian besar kepada negara dan kelompok masyarakat tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana demi pelestarian dan negara yang mampan, negara memerlukan semua sumber dan asetnya berada dalam keadaan terkawal dan terpelihara dalam pelbagai bidang sama ada dalam bentuk yang nyata atau rohaniah.

Menurut Aziz Deraman (2007) pula, memelihara budaya dan bahasa dalam sesuatu kaum terletak pada sejauh mana kekentalan jiwa mereka untuk memelihara dan menyebarkan. Walaupun kelangsungan sesuatu bahasa itu terletak pada perancangan bahasa yang sempurna dan teratur, aspek kelangsungannya juga terletak kepada sejauh mana sesuatu bahasa digunakan dan diiktiraf penggunaannya oleh masyarakat penutur bahasa itu. Oleh itu, merancang dan melestarikan sesuatu bahasa perlu dilakukan agar masalah keusangan yang membawa kepada kepupusan sesuatu bahasa tidak akan berlaku.

Menurut David Crystal (2000) dalam *Language Death* kematian bahasa banyak menimpa bahasa minoriti di dunia ini. Oleh itu, sebagai rakyat Malaysia memelihara setiap bahasa yang terdapat di Malaysia, khususnya bahasa minoriti iaitu bahasa masyarakat orang Asli daripada menghadapi ancaman arus globalisasi. Jumlah mereka yang kecil jika dibandingkan dengan penduduk Malaysia yang lain menyebabkan bahasa mereka terpinggir dan dipandang rendah. David Crystal (2000) juga mengatakan adalah dianggarkan bahawa hampir 50% daripada 7000 bahasa dalam dunia akan pupus dalam tempoh 100 tahun. Separuh daripada 3054 bahasa yang menghadapi masalah kepupusan ialah bahasa Asia.

Manakala, Sherley Wetherhold (2012) dalam artikel "*Going, Going, Gone: Five of Asia's Most Endangered Language*" telah mengenal pasti lima bahasa di Asia yang menghadapi kepupusan. Beliau juga mengatakan bahawa bahasa Orang asli yang terdapat di Malaysia telah menghadapi ancaman kepupusan. Bahasa yang dikenal pasti menghadapi kepupusan ialah bahasa Saaroa, bahasa Ainu, bahasa Kusunda, bahasa Manchu, bahasa Jarawa dan bahasa Kanaq.

Menurut Thomason (2001) daripada sejumlah kira-kira 6000 bahasa yang dituturkan di seluruh dunia hari ini, 90% daripadanya akan pupus menjelang 2100. Andaian beliau berasaskan kepada beberapa petunjuk. Yang pertama ialah hakikat bahasa sebahagian besar daripada jumlah 90% yang akan pupus itu ialah bahasa-bahasa ibunda yang tidak lagi diajarkan kepada generasi pewaris sebagai bahasa pertama. Hal ini kerana bahasa-bahasa dominan seperti Inggeris, Perancis dan Arab sedang menguasai masyarakat dunia sebagai bahasa pertama dan menggantikan bahasa ibunda. Bahasa Inggeris misalnya, sedang mendominasi dunia melalui media elektronik khususnya internet dan medium komunikasi global yang lain seperti telekomunikasi satelit dan tanpa wayar.

Petunjuk kedua menurut Thomason seterusnya ialah hakikat bahasa daripada sedemikian banyak bahasa ibunda itu, hanya segelintir sahaja yang menjadi bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Secara politikalnya, bahasa-bahasa sedemikian akan terselamat selagi tidak berlaku revolusi yang boleh membawa kepada pembubaran perlembagaan sesebuah negara.

Dengan dasar sebegini bahasa-bahasa tersebut akan terus tersebar dari satu generasi ke generasi yang lain. Ironinya kesan sejarah kolonialisasi memperlihatkan 132 daripada 195 negara di seluruh dunia pada tahun 2000, menggunakan hanya 5 bahasa sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. 52 negara menggunakan bahasa Inggeris, 30

negara menggunakan bahasa Perancis, 23 negara menggunakan bahasa Arab, 20 negara menggunakan bahasa Sepanyol dan 8 negara menggunakan bahasa Portugis. Bakinya iaitu hanya 63 negara sahaja yang tidak meletakkan mana-mana lima bahasa itu di dalam perlembagaan mereka sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Jangkaan yang boleh dibuat berdasarkan statistik ini ialah bahasa-bahasa natif di 132 negara di seluruh dunia sedang berada di dalam keadaan sekurang-kurangnya terancam jika pun tidak sedang mengalami proses kepupusan.

Manakala menurut laporan *Foundation for Endangered Language* (<http://www.ogmios.org>), terdapat 1700 bahasa dunia yang dituturkan oleh kurang seribu orang, 550 bahasa kurang daripada 100 orang dan 150 bahasa yang lain pula dituturkan oleh kurang daripada 10 orang. Laporan yang sama juga menyatakan bahawa sekurang-kurangnya lima atau enam bahasa mati setiap tahun.

Jika bilangan diambil kira sebagai penanda utama melihat tahap keterancamannya sesuatu bahasa, maka sudah tentulah bahasa-bahasa masyarakat orang Asli di Semenanjung Malaysia seperti Kintaq, Kensiu, Jahai, Mendriq, Bateq, Lanoh, Che Wong dan Kanaq sudah lama tergolong sebagai terancam kerana bilangan penutur adalah kurang daripada 1000 orang (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 1991). Menurut Mohd Sharifudin Yusop (2007) lantaran tidak banyak kesedaran dalam kalangan ahli-ahli bahasa untuk menyelidik tentang hal ini, maka senarai itu kekal sehingga kini. Hal ini turut dibuktikan oleh Collins (1985) yang menyatakan bahawa selama empat puluh tahun hanya tiga buah kajian tentang dialek Melayu orang Asli yang pernah dilakukan. Petunjuk-petunjuk ke arah keterancamannya bahasa Melayu umumnya dan beberapa dialek tempatan khususnya dapat dilihat dengan jelas. Antaranya ialah petunjuk yang berkaitan dengan dasar kebahasaan dan dasar urbanisasi yang melanda negara. Dalam perbincangan sosiologi bahasa, kedua-dua dasar ini telah dikenal pasti sebagai agen utama yang menyebabkan kepupusan sesuatu bahasa.

Trudgill (2002) membuat kesimpulan bahawa pada awal abad ke 21 ini, kadar kematian bahasa dilihat semakin meningkat. Fishman (1991) menggariskan empat alasan gejala ini begitu sukar dibendung. Alasan pertama ialah hakikat bahawa amat sukar bagi bahasa minoriti untuk bersaing dan mendapatkan semula taraf yang menyamai bahasa dominan. Kedua, usaha-usaha pelestarian selalunya dilakukan ketika keadaan sudah terlewat dan bahasa itu sudah usang dan nazak. Ketiga, usaha yang dilakukan sering kali tanpa kefahaman yang jelas tentang masalah yang sebenar. Akhir sekali, kematian bahasa juga gagal diatasi kerana usaha-usaha pemuliharaan dilakukan secara sembarangan, tidak teratur dan tanpa sebarang sistem yang praktikal.

Kesimpulannya, bahasa sebagai alat yang digunakan oleh sesebuah komuniti masyarakat untuk berkomunikasi sesama mereka bagi tujuan menyampaikan dan menerima maklumat dalam kehidupan seharian. Setiap bahasa juga memberi kelebihan dan keistimewaan masing-masing yang dapat memberikan pengetahuan dan manfaat yang sangat berharga kepada semua masyarakat. Kematian bahasa akan menyebabkan hilangnya budaya dan cara kehidupan kaum yang menuturkannya. Oleh itu usaha pelestarian bahasa harus dilakukan segera agar bahasa Kensiu dapat didengari lagi di generasi akan datang.

1.1.1 Ikhtisar Sejarah Masyarakat Orang Asli di Malaysia

Orang Asli ialah sebahagian daripada penduduk Malaysia. Mereka mendiami negara sejak beribu tahun yang lalu. Perjuangan hidup mereka melampaui zaman dan tempat. Orang Asli berjaya mengharungi segala keperitan dan cabaran semenjak dari mula penghijrahan mereka ke semenanjung sehingga ke zaman ini. Menurut Jidin Ahmad (1994) sebagai manusia terawal yang menduduki Tanah Semenanjung ini, sewajarnya mereka lebih ke hadapan daripada bangsa lain di Malaysia. Tetapi apa yang terjadi ialah keadaan sebaliknya.

Masyarakat orang Asli ialah penduduk awal di Semenanjung Malaysia dan telah tinggal di sini hampir 7,000 tahun lamanya. Kebanyakan mereka berasal daripada wilayah Khmer atau Kemboja. Penduduk awal ini menjadi pemburu dan pencari makanan yang tinggal di gua-gua batu. Mereka pandai menggunakan api dan memasak makanan. Dalam tempoh dua generasi, mereka hanya berpindah sejauh 200 kilometer. Manakala, bagi Melayu- Asli pula, kehadiran mereka agak terkemudian, iaitu kira-kira 5,000 tahun yang lalu (Carey, 1976). Menurut kebanyakan sarjana, kumpulan masyarakat Melayu-Asli merupakan penghijrahan terakhir berbanding dengan suku bangsa orang Asli yang lain.

Sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan, peristiwa pertama yang mengubah kehidupan masyarakat orang Asli ialah apabila kedatangan Jepun di Semenanjung Tanah Melayu (1941-1945). Pada Perang Dunia Kedua pula, orang Asli sering dijadikan alat sebagai penghantar atau petunjuk arah oleh pihak Gerila Komunis dalam Malayan People Anti-Japanese Army (MPAJA), walaupun pada hakikatnya tiada sebarang rekod yang menunjukkan peranan orang Asli dalam usaha menentang pihak Jepun ketika itu. Manakala, berlangsungnya zaman darurat 1948-1960 ramai dalam kalangan orang Asli terlibat membantu pihak British dalam memerangi ancaman pihak komunis dengan menggunakan sumpitan beracun untuk membunuh musuh. Sebagai balasan, orang Asli telah diberikan anugerah oleh pihak British.

Walau bagaimanapun, hakikatnya sejarah orang Asli juga dapat dilihat apabila orang Asli telah dikuasai oleh komunis yang bertujuan mengambil alih pemerintahan negara selepas berakhirnya penguasaan British di Malaya dan selepas Jepun dikalahkan. Semasa zaman darurat ini, masyarakat orang Asli terperangkap antara dua kumpulan bertentangan, iaitu pengganas komunis dan pasukan keselamatan kerajaan. Nasib golongan ini mula menampakkan sedikit perubahan apabila ditubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli pada 1954.

Masyarakat orang Asli mendiami seluruh kawasan di Semenanjung Malaysia meliputi utara Malaysia-Thailand sehingga ke Selat Johor di selatan. Kebanyakan mereka tinggal di Kelantan dan kawasan Banjaran Titiwangsa. Sebanyak 60% masyarakat orang Asli tinggal di kawasan antara, 2,000 kaki hingga 6,000 kaki dari pinggir laut. Selebihnya mendirikan penempatan di tanah rendah berhampiran kampung Melayu, terutamanya masyarakat orang Asli di pantai barat dan pantai timur semenanjung. Manakala masyarakat orang Asli yang membangunkan penempatan di pesisir pantai,

kebanyakannya terdapat di kawasan pantai Selangor, Johor dan Pahang. Secara tradisionalnya, orang Asli hidup dalam komuniti yang kecil. Selalunya dalam satu-satu kawasan atau petempatan masyarakat orang Asli, mereka tinggal di kampung sama ada di kampung tradisional atau pun di petempatan baharu yang disediakan oleh kerajaan.

Sumber pendapatan orang Asli di Semenanjung Malaysia berlandaskan kepada persekitaran yang wujud di sekeliling mereka. Pekerjaan masyarakat orang Asli boleh dibahagikan kepada empat pengkhususan yang utama, iaitu pertanian sara diri, berburu, menangkap ikan dan mengumpul hasil hutan. Mereka mengusahakan tanaman secara kecil-kecilan di sekitar rumah, misalnya padi huma, padi seko atau makanan ubi yang lain. Aktiviti berburu pula dilakukan oleh kaum lelaki. Mereka memburu binatang dengan menggunakan sumpitan yang diletakkan jarum yang tajam selain menggunakan jerat. Antara hasil buruan mereka adalah seperti babi hutan, tupai, monyet, biawak, kera, pelanduk, dan sebagainya. Sebagai usaha untuk menambahkan keperluan, mereka akan memungut hasil hutan seperti rotan, buluh, kayu, cendana, damar dan akar kayu selain berkebolehan mendapatkan madu lebah.

Dalam hubungan ekonomi dengan orang Cina dan Melayu, ia sudah berlaku sejak berabad lamanya kerana orang Cina sering kali menggunakan mereka sebagai pekerja untuk melakukan aktiviti mengumpul hasil hutan, membuat trek jalan dalam hutan serta pembalakan.

Kajian yang dilakukan oleh Skeat dan Blagden (1906) tentang masyarakat orang Asli meliputi seluruh Semenanjung Tanah Melayu mengatakan bahawa bahasa orang Asli terbahagi kepada 3 kelompok, iaitu Semang, Sakai dan Jakun. Berdasarkan penelitian ini, Hunt (1952) memperincikan pembahagian tersebut kepada 4 kelompok, iaitu bahasa Negrito, bahasa Senoi, bahasa Jakun Semelai dan orang Asli, dan dialek Melayu Asli. Akhirnya Benjamin (1976) menyimpulkan bahawa terdapat hanya 3 kelompok bahasa Orang Asli, iaitu bahasa Asli Utara, Asli Tengah dan Asli Selatan. Bahasa Asli Utara dituturkan oleh suku kaum dalam kategori suku bangsa Negrito, bahasa Asli Tengah dituturkan dalam kalangan suku kaum kelompok Senoi dan bahasa Asli Selatan pula dituturkan oleh suku kaum Melayu Proto. Pandangan inilah yang dipakai oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk mengkategorikan masyarakat Orang Asli tersebut keseluruhannya.

Hasil daripada kajian sarjana di atas, menjelaskan bahawa pembahagian suku bangsa ini dilakukan berdasarkan kelainan bahasa yang dituturkan oleh ketiga-tiga suku bangsa itu. Perbezaan ini disebabkan masing-masing suku bangsa berasal dari wilayah yang berbeza. Pembahagian ini juga dibuat berdasarkan rupa fizikal, asal usul, adat resam, sistem sosial dan lokasi penempatan masing-masing berbeza-beza antara satu sama lain.

1.1.2 Suku Bangsa Negrito

Menurut Geoffrey Benjamin (2012), suku bangsa Negrito adalah berketurunan *decendents* daripada manusia pra-sejarah yang digelar Austro-Melanesians yang berhijrah ke Asia Tenggara dari kawasan negara China 7000 hingga 10000 tahun dahulu. Walau bagaimanapun, ada juga sejarah purba yang merumuskan mereka berada di kawasan ini lebih awal lagi. Suku bangsa Senoi dan Proto pula adalah daripada keturunan manusia pra-sejarah yang digelar Austronesian (*Malayo-Polysenian*) yang dipercayai berhijrah secara berperingkat dan kecil-kecilan dari selatan China dan Taiwan ke kawasan Asia Tenggara sehingga ke Madagaskar di barat dan pulau-pulau Pasifik di timur kira-kira 3000 hingga 5000 tahun dahulu.

Suku bangsa Negrito merupakan masyarakat orang Asli yang terkecil jika di bandingkan dengan suku bangsa Senoi dan Proto. Suku bangsa Negrito juga dikenali sebagai suku Semang. Istilah Semang digunakan oleh orang Melayu bagi merujuk kepada suku bangsa Negrito yang hidup memburu dan memungut hasil hutan di Semenanjung Malaysia. Orang Semang merupakan penduduk paling tua di Semenanjung Malaysia dan di Asia Tenggara.

Suku bangsa Negrito ramai terdapat dibahagian utara Semenanjung Malaysia dan Selatan Thailand. Masyarakat Negrito (*Semang*) juga terdapat di Filipina hingga Kepulauan Andaman di Teluk Benggal, Selatan Myanmar, pedalaman Sumatera dan Sulawesi. Di selatan Thailand, orang Semang juga dikenali sebagai '*Tonggo*' atau '*Mos*'. Manakala di Kelantan, masyarakat ini dikenali sebagai '*Pangan*'. Namun, kedua-dua istilah ini telah diketepikan dan digantikan dengan istilah '*Negrito*'.

Pengkaji Barat yang terawal memperkenalkan istilah '*little negro*' berdasarkan ciri-ciri fizikal dan perwatakan masyarakat berkenaan. Mereka berkulit gelap, berambut keriting yang tumbuh rapat dengan kulit kepala, bermata bundar, berhidung lebar, bibir penuh, tulang pipi yang timbul dan purata ketinggian 1.47 meter bagi lelaki, manakala kaum wanita lebih rendah. Orang Semang membahaskan diri mereka sebagai '*minik*' yang bermaksud '*orang*'. Selain itu, pengenalan diri juga bergantung pada suku kaum atau '*puak*'.

Orang Semang atau Negrito merupakan salah satu rumpun bangsa orang Asli Semenanjung yang terkenal sebagai masyarakat '*egalitarian*'. Masyarakat ini terdiri daripada enam suku kaum iaitu Bateq (atau Batik, Ngok, Herb), Jahai (atau Jahay), Kensiu (atau Kenseu, Kensieu) dan Mendriq (atau Menrik, Menreq, Menrab), Kintaq dan Lanoh. Kesemua panggilan suku kaum ini membawa gabungan maksud '*orang*' dengan '*hutan*', '*darat*' atau '*daratan*'.

Di Kedah, orang Kensiu telah ditempatkan di Kampung Lubuk Legong, Baling. Kegiatan berpindah-randah bukan lagi ciri kehidupan masyarakat Negrito tetapi mereka masih mengamalkan kegiatan '*berbagan*' di dalam hutan untuk tujuan ekonomi seperti

memotong rotan, mencari kayu gaharu dan seumpamanya. (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999).

1.1.3 Orang Asli Kensiu

Kensiu adalah orang Asli daripada rumpun bangsa Semang-Negrito. Masyarakat yang menggunakan bahasa serumpun dengan Mon-khmer ini kadang-kadang juga dikenali sebagai Kensiu atau Kenseu, manakala pengkaji awal merujuk mereka sebagai Semang Barat.


Kebanyakan mereka terdapat di Kedah, terutamanya di bahagian tenggara negara itu. Selain itu, orang Kensiu terdapat di Hulu Perak dan Selatan Thailand. Masyarakat ini terbahagi kepada kelompok kecil. Setiap satunya merupakan sebuah kumpulan atau puak nomadik. Sekurang-kurangnya empat sub-kumpulan Kensiu dikenal pasti, iaitu Mos, Makil (atau Dalem), Hetat dan Tanjen.

Pada masa dahulu, orang Kensiu mempunyai sebuah wilayah Kensiu yang luas, yang menjangkau hingga ke Thailand. Mereka sering berpindah ke selatan hingga ke Kedah. Namun pergerakan ini hanya berlaku dalam wilayah mereka sahaja. Pada akhir tahun 1950-an, orang Kensiu yang masih berpindah-randah dan bertebaran dalam kelompok kecil di daerah Sik berserta orang Kintak dan daerah Kupang dan Siong dipindahkan ke sebuah Rancangan Penempatan Semula di Pokok Sena berhampiran bandar Baling.

Pada tahun 1960, sebuah kawasan seluas 600 ekar berhampiran Kampung Lalang, Mukim Siong diwartakan sebagai rizab orang Asli. Pada tahun 1965 pula, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) membina rumah di kawasan ini untuk orang Kensiu dan orang Kintak. Pada masa ini, terdapat beberapa perkampungan kekal orang Kensiu di negeri Kedah seperti Lubuk Legong, Tasik, Bendang Man dan Bukit Asu di Hulu Perak (Ensiklopedia Sejarah dan Peradaban Melayu, 1999:1149-1150).

1.1.4 Latar belakang orang Asli di Kampung Lubuk Legong, Baling

Dalam negeri Kedah hanya terdapat sebuah kampung orang Asli, iaitu Kampung Lubuk Legong, terletak dalam mukim Siong dan jaraknya lebih kurang 13 kilometer dari bandar Baling. Suku kaum orang Asli yang menetap di sini adalah puak Kensiu dari kumpulan Negrito dan satu-satunya yang mendiami semenanjung Malaysia.



Rajah 1.1: Peta Petempatan orang Asli Kentsiu di Semenanjung Malaysia.

Menurut Sharifudin Yusup (2011), orang Asli Kentsiu juga dikatakan ada pertalian keluarga di Kampung Rai Yala Selatan Thailand. Mereka tinggal semenjak 1957 di Lot No.3623 yang telah diwartakan pada tahun 1958 sebagai Rizab Orang Asli seluas 428 ekar (JHEOA: 98:3). Sebelum itu mereka tinggal berpindah randah dari Lubuk Legong ke Parit Panjang, Kampung Bendang Man Sik, sungai Celak dan Kampung Tiak Kupang. Ia merupakan kumpulan kaum Negrito yang terkecil dan tertua sekali di Semenanjung Malaysia. Kini terdapat seramai 251 orang Asli Kentsiu (data maklumat dari Pelan Straregik Kemajuan Orang Asli 2011-2015). Dari sumber senarai nama tahun 2016 pula penduduk Kentsiu telah bertambah kepada 292 orang iaitu 77 buah keluarga. Daripada 292 orang penduduk 3 orang berbangsa Semai, 6 Temiar, 3 Jahai, 8 Lanoh, 8 Kintak, 7 lain-lain dan hanya 257 orang berbangsa Kentsiu. Di sini dapat dilihat pertambahan penduduk asli Kentsiu dari tahun 2001 sehingga 2016.

Kawasan penempatan mereka telah dilengkapi dengan sebuah surau, sebuah dewan serbaguna, kedai runcit, tabika, gelanggang takrow dan terdapat 46 buah rumah milik penduduk yang dibina oleh JHEOA dan sebuah rumah milik petugas JAKIM. Penempatan mereka juga dilengkapi dengan bekalan elektrik dan air yang disediakan oleh Jabatan Bekalan Air.

Menurut M.W. Tweedie (1970) seorang sejarawan menyatakan dalam bukunya “Pre-History” mereka yang tinggal di Semenanjung dikenali sebagai Negrito dan telah ada sejak tahun 8000 sebelum masihi dan mereka tinggal di dalam gua memburu binatang yang dikenali sebagai zaman batu pertengahan. Zaman Paleolitik dan Mesolitik pada tahun 5000 sebelum masihi telah didiami oleh orang Austronesia yang menjadi nenek moyang orang Negrito, Sakai dan sebagainya. Orang Negrito sukar untuk ditentukan sifat-sifat fizikalnya kerana di kalangan mereka terdapat empat sub kumpulan Kentsiu yang dikenali sebagai Mos, Nakil (atau Dalem), Hetot dan Tanjen. Purata mereka mempunyai rambut yang keriting halus, berbadan gelap, dan rendah setinggi 5 kaki ke

bawah, hidung lebar mata bulat mirip Orang Afrika Timur dan kebanyakan mereka seperti Orang Asli New Guinea yakni *Papuans*.

Identiti kaum Negrito adalah tersendiri dan boleh dilihat melalui kebudayaan, kebendaan dan kehidupan mereka. Mereka menunjukkan sedikit tanda-tanda pertanian. Hal ini adalah kerana mereka ini adalah satu golongan Orang Asli yang nomad sepenuhnya. Bentuk kebudayaan kebendaan mereka termasuk mencucuk hidung dan pembinaan kediaman sementara untuk berlindung daripada angin dan cuaca. Kaum Negrito mengembara dari setempat ke setempat kerana memburu dan mengumpul bahan makanan dan barang-barang hutan. Mereka akan berpindah ke tempat lain jika didapati tempat itu tidak produktif lagi. Mereka tidak mengamalkan pertanian. Sehingga tahun 2011, jumlah penduduk Kensiu yang menganut agama Islam seramai 161 orang dan selebihnya masih mengekalkan kepercayaan animisme.

1.1.5 Bahasa dan Dialek Orang Asli

Abdullah Hassan (1987) telah membahagikan bahasa-bahasa yang dituturkan oleh masyarakat di semenanjung Malaysia kepada empat kumpulan yang terbesar iaitu kumpulan Bumiputera, Cina, India, dan lain-lain. Pembahagian kumpulan bahasa-bahasa tersebut dijadualkan seperti di bawah:

Jadual 1.1: Bahasa-Bahasa di Semenanjung Malaysia

Bumiputera	Cina	India	Lain-lain
Melayu (termasuk Melayu Indonesia, Jakun, Semai, Negrito)	Hokkien Kanton Hakka Hainan Teoche Kongsai Hokchiu Hengchua Hokchia	Tamil Telegu Malayan Gujarati Oriya Marathi Punjabi Benggala Urdu	Thai Inggeris Arab Portugis

Daripada pembahagian beliau, bahasa-bahasa orang Asli tergolong dalam kumpulan bahasa bumiputera. Iskandar Carey (1976) menjelaskan pengelasan tiga kumpulan bahasa utama orang Asli ini adalah berdasarkan nama suku bangsa masing-masing, yakni bahasa orang Negrito, bahasa orang Senoi dan bahasa orang Melayu Asli. Setiap bahasa ini pula mengandungi kumpulan dialeknya yang juga dirujuk mengikut nama suku kaum masing-masing.

Benjamin (1976) pula, memperakui bahawa pengklasifikasian bahasa dan suku kaum orang Asli yang diguna pakai sekarang ini sebenarnya berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Schebesta (1926). Schebesta membuat klasifikasi seperti yang berikut:

Jadual 1.2: Klasifikasi Bahasa orang Asli Menurut Benjamin (1976)

Semang Utara (Meni')	Tonga/Mos (Selatan Thailand) Kensiu [Kensiu] Kenta' – Kenta' Nakil, [Kenta' Bong]
Semang Timur (Menra')	Jahai [Jehai] Menri' [Mendriq, Mintil]
Semang Selatan (Batek)	Batek Nogn (Bateg Nong) Batek Happen Batek Kleb [Kled] Temo' [Temoq]

Benjamin turut mengambil kira pandangan Pinnow pada 1959 yang mencadangkan supaya kelompok bahasa ini dilabelkan sebagai bahasa Melaka dengan merujuk bahasa Mah Meri yang terdapat di Melaka. Lantaran kekeliruan yang timbul dalam kalangan para pengkaji, Benjamin mengesyorkan supaya istilah 'Aslian' yang digunakan oleh Diffloth digunakan untuk keluarga bahasa orang Asli di Semenanjung Tanah Melayu. Istilah ini meliputi bahasa Negrito di Selatan Thailand tetapi tidak memasukkan bahasa Austronesia yang dituturkan oleh orang Melayu Asli dan Jakun di selatan Semenanjung.

Setelah membuat penilaian dan perincian terhadap semua pendapat, Schmidt, Skeat dan Blagden, Wilkinson, Hunt, Schebesta dan Pinnow itu, Benjamin (1976) membahagikan bahasa-bahasa orang Asli kepada bahasa Asli Utara, Asli Tengah dan Asli Selatan. Berasaskan pembahagian ini orang Asli dikelompokkan kepada orang Negrito (Semang) yang hidup berpindah randah dan memungut hasil hutan menggunakan bahasa Asli Utara, orang Senoi bertutur dalam bahasa Asli Tengah dan orang Melayu Proto menggunakan bahasa Asli Selatan. Nik Safiah (1978) bersetuju dengan pandangan Benjamin itu dan juga Diffloth (1976) yang mengkategorikan kesemua suku kaum Asli di Semenanjung Malaysia ke dalam tiga kelompok besar itu. Beliau turut menambah bahawa bahasa-bahasa orang Asli tergolong dalam cabang Mon Khmer dari rumpun Austroasiatik. Bagi kelompok penutur bahasa Asli Utara, suku kaum yang tergolong dalam kelompok ini ialah Kensiu, Kentaq Bong, Jahai, Mendriq, Bateq dan Che Wong. Penutur bahasa Asli Tengah pula terdiri daripada suku Lanoh, Semnam, Semai, Temiar dan Jah Hut. Kelompok penutur bahasa Asli Selatan pula terdiri daripada Semoq Beri, Mah Meri, Semelai dan Temoq.

Nik Hassan Shuhaimi (2004) bersetuju dengan pandangan Benjamin yang membahagikan bahasa-bahasa orang Asli itu kepada tiga kelompok tersebut dan menambah bahawa ada pendapat yang menyatakan bahasa orang Asli yang paling awal ialah Proto Austronesia. Hal ini menjadikan bahasa orang Asli dan bahasa Melayu berasal daripada rumpun yang sama pada tahap awal, tetapi kerana kedua-dua kelompok kaum ini memilih untuk tinggal di petempatan yang berlainan dan berasingan, kedua-dua bahasa berubah dan menjadi berbeza-beza mengikut

persekitaran. Bahasa Melayu lebih kepada bahasa Austronesia kerana hidup di kawasan pesisir dan muara sungai dan sering berinteraksi dengan masyarakat kepulauan, manakala bahasa orang Asli lebih mirip kepada Austroasiatik kerana hubungan yang dekat dengan masyarakat bahasa itu (Nik Hassan Shuhaimi 2004).

Juli (1998) membuat rumusan yang menyeluruh berdasarkan pandangan-pandangan di atas. Menurutnya, Negrito bermaksud orang Negro Kecil. Hal ini berdasarkan ciri-ciri fizikal mereka yang bertubuh rendah, berhidung lebar, bermata bulat dan tulang pipi terke bawah. Kulit mereka gelap dan berambut kerinting. Bahasa pertuturan daripada rumpun Austroasiatik tetapi telah banyak dipengaruhi bahasa Thai dan Melayu kerana persekitaran petempatan. Mereka juga didapati boleh bertutur dalam bahasa Senoi, Temiar, Semai, Jah Hut dan Semoq Beri. Mereka telah meninggalkan kehidupan secara nomad mutlak tetapi masih ada antara mereka yang hidup secara separa nomad kerana faktor-faktor ekonomi.

Menurut Juli (1998) seterusnya, ciri-ciri fizikal orang Senoi tidak dapat ditentukan dengan mutlak kerana bagi yang tinggal berjiran dengan orang Negrito, mereka kelihatan seperti Negrito yang berkulit gelap dan berambut kerinting, manakala yang tinggal di kawasan tengah dan selatan Semenanjung Malaysia, mereka kelihatan seperti orang Melayu Proto. Dari segi bahasa, seperti Negrito, orang Senoi berbahasa Austroasiatik. Dialek yang utama ialah Semai dan Temiar yang mempunyai ciri-ciri persamaan yang ketara. Lantaran itu bahasa Semai telah dipilih untuk diajarkan sebagai mata pelajaran bahasa etnik dalam kalangan pelajar orang Asli dan juga dijadikan bahasa komunikasi dalam siaran Radio 7 (Asyik FM) di Radio dan Televisyen Malaysia. Namun demikian, bahasa ini juga mengalami nasib yang sama dengan bahasa Negrito dari segi menerima pengaruh bahasa lain, khususnya bahasa Melayu terutamanya peminjaman kosa kata.


Kelompok terakhir ialah Melayu Proto yang juga dikenali sebagai Jakun atau Melayu Asli. Mereka kelihatan seperti orang Melayu dari segi rupa bentuk tubuh dan juga budaya. Bahasa pertuturan mereka dari rumpun Austronesia dan berasal daripada Kepulauan Melayu, khususnya Sumatera dan Borneo. Kumpulan ini yang sememangnya serumpun dengan orang Melayu yang dominan turut mengalami proses perubahan budaya yang menyeluruh dan bukan sekadar obsolesensi bahasa semata-mata. Dengan adanya ganjaran-ganjaran status politik dan ekonomi yang menguntungkan, suku Melayu Proto semakin menjadi Melayu secara khususnya.

1.1.6 Bahasa Suku Bangsa Negrito

Dentan (1996) mengatakan bahasa Negrito tidak begitu jelas kedudukan rumpun bahasanya. Ada ciri-ciri yang menunjukkan bahasa tersebut berasal dari rumpun yang berlainan dengan bahasa Senoi Utara. Walaupun mereka merupakan dua bahasa yang berlainan, tetapi penyerapan beransur-ansur bahasa orang-orang Senoi ke dalam bahasa orang-orang Negrito telah mengakibatkan bahasa orang-orang Negrito semakin ditenggelami oleh bahasa orang-orang Senoi.

Melalui kajian perbandingan perkataan daripada pelbagai dialek bahasa-bahasa orang Asli. Skeat dan Blagden (1906) mendapati adanya perbezaan-perbezaan yang jelas bahawa bahasa-bahasa orang-orang Negrito bukannya dialek kepada bahasa Senoi Utara. Mereka juga menjelaskan bahawa bahasa Negrito itu terdiri daripada sekumpulan dialek, iaitu dialek Kintaq, Jahai, Lanoh, Kensiu, Mendriq dan Bateq. Pemecahan dialek-dialek ini dibuat atas satu kaum menuturkan satu dialek.

Berdasarkan kajian perbandingan perbendaharaan kata beberapa dialek, bahasa Negrito dengan dialek Semai di daerah Telom, Benjamin (1976) pula berpendapat, beberapa dialek Negrito adalah satu cabang daripada bahasa Senoi, iaitu ada hubungan sebagaimana rajah 1.2:




Sumber: Benjamin (1976)

Rajah 1.2: Negrito Cabang Dari Bahasa Senoi

Dapatan Benjamin (1976) ini berbeza sedikit dengan apa yang diperoleh oleh G. Diffloth (1979) dalam catatan ringkasnya tentang dialek Jahut. Diffloth telah mengelompokkan ketiga-tiga bahasa orang Asli di bawah satu bahasa induk yang dikenali sebagai Mon-Khmer. Di sini, bahasa Negrito digolongkan kepada kumpulan Aslian utara, bahasa Senoi sebagai kumpulan Aslian Tengah dan bahasa Melayu Asli sebagai Aslian Selatan. Penggolongan ini dibuat setelah Diffloth mendapati adanya perhubungan di antara bahasa-bahasa orang Asli ini dengan beberapa cabang bahasa Mon-Khmer seperti Bahnaric, Katuic atau Palaungic. Pengkelompokan bahasa oleh Diffloth adalah sepertimana di rajah 1.3:

Mon-Khmer



Sumber: R. Werner (1973)

Rajah 1.3: Pengkelompokan Bahasa Menurut Diffloth (1979)

1.2 Pernyataan Masalah

Laporan Ethnologue (2005) menyatakan terdapat sejumlah 6912 bahasa di dunia. Daripada jumlah tersebut, 516 menghadapi ancaman kepupusan. Perangkaan menunjukkan bahawa bahasa dunia yang terancam dan bakal menghadapi kepupusan adalah 200 bahasa di Eropah, 1000 bahasa di Amerika (Utara dan Selatan), 2400 bahasa di Afrika, 231 bahasa di Australia, serta di benua Asia dan kawasan Pasifik 3200 bahasa dan daripada jumlah tersebut, 800 bahasa terdapat di Papua New Guinea.

David Crystal (2002) pula mengatakan bahawa bahasa orang Asli akan pupus setiap dua minggu dan sesuatu bahasa akan mati apabila penuturnya mati. Kepupusan bahasa Asli ini merupakan sesuatu yang amat membimbangkan. Oleh itu, pengkajian terhadap pelestarian bahasa dilakukan agar bahasa kaum minoriti dapat diselamatkan daripada terus hilang begitu sahaja. Dressler (1989) pula mengatakan bahawa kepupusan bahasa ialah keadaan sesuatu bahasa itu tidak lagi dituturkan oleh penutur natifnya yang terakhir kerana telah meninggal dunia.

Justeru, daripada penelitian terhadap kajian lepas didapati bahawa masih kurang pengkaji yang melakukan kajian kebahasaan berkaitan masyarakat orang Asli khususnya orang Asli Kensiu. Apatah lagi jika dilihat kepada aspek pelestarian bahasa, terutamanya aspek leksikal dan sikap terhadap pemilihan terhadap bahasa Kensiu ini. Sememangnya masih tiada kajian seumpama ini yang dilakukan oleh pengkaji bahasa terdahulu. Jika diperhatikan kajian yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu, mereka hanya memfokuskan salah satu aspek sama ada kajian bahasa, sosial, atau budaya, namun tidak ke arah kajian proses pelestarian bahasa orang Asli Kensiu.

Selain itu, bahasa Kensiu ini hanya bersifat bahasa lisan serta tidak mempunyai satu sistem tatabahasa yang disusun sebagai rujukan, dokumen dan bahan rujukan berbentuk penulisan yang menggunakan bahasa ini sehingga sekarang. Tambahan pula, pertembungan dalam aspek linguistik dalam kalangan penuturnya juga menjadi cabaran

utama untuk bahasa ini terus bertahan pada masa akan datang. Jika hal ini berlaku maka fenomena keterhakisian bahasa terhadap penutur kanak-kanak serta golongan dewasa akan berlaku dan berpanjangan.

Menurut Muna Afifah (2018) bahasa etnik sukar berkembang kecuali dalam lingkungan penduduk yang mendiami kawasan etnik terbabit. Bahasa etnik amat kaya dengan hal berkaitan adat resam, kegiatan harian, dan persekitaran. Justeru, apabila bahasa berkenaan mati, maka hal lain yang berkaitan dengan penuturnya juga akan turut mati dan tidak mungkin dapat dikembalikan. Oleh itu, hal ini memerlukan pendokumentasian. Menjadi perkara yang malang sekiranya hal kematian bahasa akan menimpa ratusan bahasa etnik Orang Asli dan peribumi di Sabah dan Sarawak dan ini turut melibatkan bahasa sukuan orang Asli yang minority seperti orang Asli Kensiu.

Manakala, Mohd Sharifudin Yusop (2013), menjelaskan bahawa set angkubah lain yang dapat dilihat ketika proses kematian bahasa secara beransur-ansur ialah gejala perubahan struktur bahasa. Aspek bahasa yang akan hilang lebih dahulu ialah leksikon. Hal ini berlaku apabila penutur minoriti membuang terus kosa kata bahasa asalnya ataupun kosa kata itu sendiri mengalami proses perubahan makna. Ini diikuti oleh perubahan membabitkan morfem dan fonem.

Selain itu, berpunca daripada dominasi bahasa Melayu, dan ancaman yang dibawa oleh angkubah modenisasi termasuklah urbanisasi, dan globalisasi, maka dijangkakan dalam waktu terdekat bahasa itu akan pupus (Mohd Sharifudin Yusop, 2009). Angkubah sosial yang mempunyai pengaruh terhadap proses pewarisan budaya mereka, khususnya dalam aspek bahasa ibunda perlu diteliti untuk menentukan kelancaran proses tersebut. Hal ini kerana fenomena pergeseran budaya berlaku dalam usaha orang Asli menempatkan diri mereka untuk bersaing dengan masyarakat yang lebih dominan (Mohd Sharifudin Yusop, 2013). Tambahan pula, orang Asli Kensiu menggunakan bahasa Melayu apabila bercakap dengan masyarakat tempatan untuk memastikan bahawa perbualan dapat difahami. Fenomena ini disebabkan tekanan daripada bahasa komuniti yang lebih dominan dan majoriti untuk memudahkan komunikasi harian mereka.

Angkubah ini mempengaruhi sikap dan tingkah laku bahasa penutur bahasa minoriti. Sikap dan perbuatan penutur terhadap bahasa juga memainkan peranan penting dalam melestarikan bahasa natif mereka. Hal ini demikian kerana sikap berkait rapat dengan jati diri yang akan membawa perubahan bahasa kepada ke arah positif ataupun negatif. Oleh itu, walau apa pun faktor yang dikemukakan namun sikap penutur bahasa itu sendirilah yang menjadi faktor terpenting.

Untuk melestarikan sesuatu bahasa, kalangan penuturnya haruslah bersikap positif terhadap bahasanya sendiri dan menyetepikan istilah mendominasi bahasa kerana ini merupakan suatu tanggapan penutur tersebut. Geoffrey Benjamin (2012) mengatakan bahawa bukan sahaja faktor demografi seperti jumlah penutur yang meletakkan sesuatu bahasa itu maju ataupun tidak tetapi faktor identiti budaya dan

sikap terhadap bahasa juga memainkan peranan yang amat penting dalam proses pelestarian sesuatu bahasa itu.

Oleh itu, kajian dilakukan terhadap pelestarian bahasa Kensiu kerana kekhawatiran pupusnya bahasa Kensiu merupakan satu ancaman. Stokhaf (2012) berpendapat bahasa-bahasa minoriti di Malaysia akan mengalami kepupusan sekiranya usaha ke arah pelestarian yang serius tidak dilakukan dari sekarang kerana kebangkitan dalam bidang sains dan teknologi yang melanda dunia hari ini yang membawa bersama-sama gelombang perubahan minda moden terutamanya pada generasi belia. Selain itu, beliau menegaskan bahasa boleh terancam jika penuturnya tidak lagi menghormati bahasanya atau tidak menganggap bahasa itu sebagai alat pemersatuan masyarakat, malu atau tidak peduli dengan penggunaan yang betul. Ini membuktikan faktor sikap positif seseorang penutur jati terhadap bahasa ibunda penting supaya bahasa mereka terus kekal digunakan sehingga ke generasi yang akan datang. Sikap penutur dan tanggapan mereka terhadap bahasa ibunda yang menentukan jangka hayatnya.

Oleh yang demikian, bahasa orang Asli atau etnik merupakan khazanah negara dan bahasa warisan yang seharusnya dipelihara, dituturkan, dikembangkan dan dimartabatkan. Menurut Asmah Hj. Omar (2008), pemeliharaan bahasa (language maintenance) ialah gejala yang paling penting dalam pengekalan kedudukan sesuatu bahasa dalam masyarakat. Jika sesuatu bahasa atau dialek itu terus digunakan oleh masyarakat penuturnya, maka bahasa tersebut akan tetap berkekalan sebagai sistem pertuturan dalam masyarakat bahasa tersebut. Situasi ini juga sama dengan bahasa Kensiu. Hal ini demikian kerana tanpa pemeliharaan yang sewajarnya bahasa orang Asli ini akan hilang begitu sahaja.

Oleh sebab itu, aspek yang perlu dilakukan segera terhadap bahasa Kensiu agar bahasa ini dapat dilestarikan ialah dengan mengenal pasti aspek linguistik, menganalisis pemilihan bahasa berdasarkan mandala dan menghuraikan pelestarian bahasa Kensiu berdasarkan tipologi keterancaman bahasa untuk tujuan perancangan bahasa Kensiu pada masa hadapan. Menurut Asmah (1989) aspek-aspek yang dinyatakan ini merupakan langkah-langkah ke arah pemeliharaan dan pelestarian sesebuah bahasa yang perlu dilakukan terhadap bahasa yang mengalami ancaman kepupusan.

Kajian ini juga sangat penting kerana kajian yang mendalam berkaitan aspek fonologi masyarakat orang Asli Kensiu akan dilakukan buat pertama di Kampung Lubuk Legong, di samping menyelongkari pemikiran dan budaya yang diamalkan oleh mereka. Bahasa merupakan khazanah yang amat tinggi nilainya dan tidak wajar sekiranya bahasa tersebut dibiarkan pupus tanpa ada sebarang inisiatif untuk melestarikannya. Oleh itu, secara tidak langsung dapat memastikan bahawa kelangsungan bahasa tersebut agar tidak pupus ditelan zaman.

1.3 Objektif Kajian

Kajian yang dilakukan ini mempunyai tiga objektif yang utama iaitu :

- i. Mengenal pasti aspek leksikal bahasa Kensiu mengikut senarai Swadesh (1952).
- ii. Menganalisis pemilihan dan penggunaan bahasa masyarakat Kensiu berdasarkan domain oleh Fishman (1972).
- iii. Menghuraikan pelestarian bahasa Kensiu berdasarkan kerangka Tipologi Bahasa oleh Edward (1992) dan Model Teoretikal Kematian Bahasa oleh Sasse (1992).

1.4 Soalan Kajian

- i. Apakah aspek leksikal bahasa Kensiu yang masih dilestarikan?
- ii. Apakah pemilihan bahasa orang Asli Kensiu berdasarkan mandala?
- iii. Apakah faktor pelestarian orang Asli Kensiu berdasarkan tipologi keterancaman bahasa?

1.5 Kepentingan Kajian

Berdasarkan teori leksikostatistik pengkaji akan membandingkan kosa kata dasar bahasa Kensiu dan bahasa Melayu bagi menentukan tingkat kekerabatan antara kedua-dua bahasa. Oleh itu, persamaan dan perbezaan leksikal kedua-dua bahasa dapat di kenal pasti seterusnya dapat melihat pelestarian bahasa Kensiu berdasarkan leksikal. Perbandingan ini juga dilaksanakan untuk menentukan kognat antara bahasa Kensiu dan bahasa Melayu bagi menentukan tingkat kekerabatan antara kedua-dua bahasa. Kajian leksikostatistik bahasa Kensiu ini juga belum pernah dilakukan oleh mana-mana sarjana. Selain itu, pendokumentasikan unsur leksikal ini penting dalam usaha kita memastikan bahasa ini terus terpelihara dan tidak mengalami situasi kepupusan.

Di samping itu, kelestarian bahasa Kensiu juga harus diambil perhatian untuk tujuan perancangan bahasa minoriti dalam sesebuah negara multi etnik seperti Malaysia dalam mengekalkan kepelbagaian dan citra sesebuah masyarakat. Menurut Santrol Abdullah (2016) bahasa orang Asli bukan sahaja penting daripada aspek nilai dan kepentingan masyarakat penuturnya, malah amat berguna untuk pengembangan unsur linguistik, budaya dan peradaban dalam sesebuah negara untuk dijadikan rujukan dan cerminan budaya dalam tamadun masyarakat tersebut.

Teori Domain Fishman (1972) yang mengandungi lapan domain pula akan menjawab berkaitan pemilihan bahasa orang Asli Kensiu kepada peratus penggunaannya. Daripada analisis tersebut pengkaji akan mengetahui mandala yang berpotensi untuk mengekalkan bahasa Kensiu dan langkah pelestarian bahasa boleh dilakukan.

Kepentingan seterusnya ialah berdasarkan 10 angkubah sebagai landasan untuk meneliti tahap keterancaman sesebuah bahasa minoriti berdasarkan yang terdapat dalam Teori Tipologi Keterancaman Bahasa Edward dan Sasse (1992). Angkubah ini juga dapat digunakan untuk menghuraikan daya tahan sesebuah bahasa dan pelestariannya serta membuat ramalan tentang penggunaan bahasa Kensiu. Ketahanan dan kekuatan sesebuah bahasa itu ditentukan oleh sejauh mana nilai jati diri dalam kalangan masyarakatnya untuk terus mempertahankan bahasa komunikasi ibunda mereka.

Selain itu, kajian ini penting kerana dapat memberi gambaran sikap masyarakat Kensiu terhadap bahasanya. Berdasarkan 15 soalan daripada kerangka tipologi Edward dan Sasse akan menjawab berkaitan sikap orang asli Kensiu terhadap bahasa ibundanya. Sikap masyarakat Kensiu perlu diberikan tumpuan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melestarikan dan mempertahankan bahasa ini.

Menurut King (1989), sebagai langkah pemeliharaan awal sesuatu bahasa yang mengalami ancaman kepupusan, ciri linguistik dan makna leksikal harus didokumenkan dan disebarkan kepada khalayak supaya bahasa tersebut terus dikaji dan dibincangkan dari semasa ke semasa.

Dokumentasi ini juga dilakukan untuk menjadi rujukan masyarakat orang Asli sendiri dan pengkaji-pengkaji yang seterusnya yang berminat untuk mengetahui bahasa masyarakat asli tersebut. Akhir sekali, hasil penyelidikan ini penting kerana bahasa merupakan satu khazanah warisan bangsa dan budaya masyarakat orang Asli di Malaysia dan tidak seharusnya dibiarkan pupus. Sebaliknya perlu dikekalkan dan diperkembang penyebaran dan fungsinya dalam masyarakat. Oleh itu, bahasa suku kaum Kensiu tetap menjadi wadah komunikasi yang terus kekal dalam masyarakatnya.

1.6 Batasan Kajian

Kajian analisis bahasa orang asli suku kaum Kensiu ini hanya memfokuskan aspek leksikal dalam daftar kata bahasa tersebut yang dapat dibandingkan dengan struktur bahasa Melayu berdasarkan senarai Swadesh.

Pengkaji hanya mengutip kosa kata berdasarkan senarai kata Swadesh berjumlah 207 patah perkataan dan kata bertema iaitu cuaca, bahagian tubuh badan, kata sapaan kekeluargaan, binatang, tumbuhan dan hutan, peralatan dan bahagian dalam rumah, pakaian dan perhiasan, bentuk muka bumi, perlakuan dan perasaan. Kata bertema ini dipilih kerana penggunaannya dalam kehidupan seharian mereka. Setelah itu barulah pentranskripsian dilakukan terhadap kesemua kosa kata berdasarkan *Symbol International Phonetic Alphabet* (IPA). Pengumpulan data juga dilakukan melalui 10 orang informan dan 150 responden dari kalangan orang Asli Kensiu di Lubuk Legong, Baling Kedah.

Mengikut Bancian Jabatan Hal Ehwal Orang Asli 1990 petempatan orang Asli Kensiu hanya terdapat di Selatan Thai dan Timur Kedah. Oleh itu, pengkaji hanya memilih

petempatan di Timur Kedah sebagai lokasi kajian iaitu di perkampungan Orang Asli Lubuk Legong, Baling Kedah dan jaraknya lebih kurang 13km dari Bandar Baling. Menurut data maklumat dari JHEOA Hulu Perak dan Baling orang Asli Kensiu merupakan kumpulan kaum Negrito yang terkecil dan tertua sekali di Semenanjung Malaysia dan kini terdapat jumlah penduduk seramai 224 orang dan jumlah 44 keluarga. Pada tahun 2016 jumlah mereka telah meningkat kepada 292 orang dengan jumlah 77 keluarga. Lokasi berkenaan dipilih juga ekoran daripada penggunaan bahasa tersebut agak menyeluruh dan hal ini amat bertepatan dengan kajian yang dilakukan.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Pelestarian Bahasa

Pelestarian bahasa bermaksud sesebuah komuniti atau masyarakat yang masih menggunakan bahasa mereka di dalam kehidupan seharian dan menguasai bahasa itu dengan cekap iaitu di dalam percakapan dan penulisan walaupun bahasa-bahasa lain mempunyai kepentingan di dalam komuniti.

Menurut Kamus Dewan (2005), pelestarian adalah keadaan yang tidak berubah atau yang terpelihara seperti asal. Menurut Kridalaksana (1984), istilah pemeliharaan bahasa digunakan bagi mengganti istilah pelestarian bahasa sebagai terjemahan daripada *language maintenance* dan mendefinisikan istilah ini sebagai usaha agar suatu bahasa tetap dipakai dan dihargai sebagai identiti kelompok dalam masyarakat.

Santrol Abdullah (2016) pula mengatakan pelestarian secara umumnya merupakan proses perlindungan daripada kemusnahan atau kerosakan, pengawetan dan konservasi sesuatu keadaan. Oleh itu, pelestarian bahasa ialah usaha untuk mengekalkan hayat sesuatu bahasa dalam kalangan komuniti bahasa itu sendiri

Usaha pelestarian sesuatu bahasa memerlukan perancangan rapi daripada pihak yang dipertanggungjawabkan dalam perancangan bahasa. Collin (2002) menyatakan bahawa sikap penutur bahasa terdiri daripada tiga kriteria bagi menjamin pelestarian bahasa iaitu iaitu ketaatan kepada bahasa ibunda, sikap berani kepada perubahan tetapi mengekalkan bahasa ibunda dan bangsa yang menyanjung tinggi terhadap bahasa ibunda.

Sikap penutur tetap menjadi faktor utama agar sesuatu bahasa itu dapat bertahan dan kekal. Sikap positif penutur terhadap bahasa ibunda mereka mestilah positif tanpa tertekan dengan isu dominasi bahasa (asing). Dengan ini, sesuatu bahasa dapat bergerak dan berkembang. Sikap positif ini perlu datang dengan semangat jati diri yang kuat sehinggakan kelebihan bahasa asing dari segi utiliti dan ekonomi tidak dapat menggugatinya. Sebagaimana yang ditekankan oleh David Crystal (2000), benteng paling kuat bagi sesuatu bahasa adalah sejauh mana sikap penutur natif menghargai dan menggunakan bahasa tersebut dalam komunikasi harian.

Oleh itu, hasil dapatan daripada leksikal, pemilihan bahasa dan tipologi keterancamana bahasa sangat penting untuk melihat pelestarian bahasa Kensiu di petempatan mereka. Pengkaji juga akan mengenal pasti pelestarian bahasa Kensiu dengan berpandukan enam tahap keterancaman dan kepupusan yang digunakan Grimes (2002) seperti berikut:

- i. *Critically endangered*, iaitu bahasa yang dalam keadaan kritikal atau nazak. Tinggal sedikit sahaja penuturnya dan kesemua mereka berumur 70 tahun ke atas.
- ii. *Severly endangered*, iaitu bahasa yang ‘sakit parah’, yang hanya memiliki penutur berusia 40 tahun ke atas
- iii. *Endangered*, iaitu bahasa yang ‘terancam punah’, penuturnya berusia 20 tahun ke atas
- iv. *Eroding* atau bahasa yang dalam situasi terhakis – penuturnya sebilangan kanak-kanak dan orang dewasa
- v. *Stable but threatened*, bahasa yang digunakan oleh semua kanak-kanak dan orang dewasa tetapi bilangannya sedikit.
- vi. *Safe*, atau selamat, iaitu bahasa yang tidak terancam malah berkembang, diperoleh dan dipelajari oleh semua golongan masyarakat

1.7.2 Orang Asli Kensiu

Carey (1976), mentakrif bahawa ‘asli’ adalah daripada perkataan Arab iaitu Asali atau Original. Semasa pemerintahan British, orang Asli dipanggil Sakai, manakala orang Inggeris memanggil masyarakat orang Asli sebagai *aborigines*. Menurut Jasman Ahmad (1997), istilah *aborigines* lebih membawa makna masyarakat yang mundur, primitif dan masih tidak membangun. Kerajaan Malaysia telah menukar istilah tersebut kepada orang Asli yang lebih menjurus kepada kehidupan yang moden dan tidak terpengaruh sikap negatif masyarakat tersebut. Pengkaji terkemudian seperti Nicholas (1997) mentakrifkan panggilan ‘*Orang Asli*’ bermaksud ‘*tulen*’ atau ‘*masyarakat pertama*’ yang mendiami Semenanjung Malaysia.

Jadual 1.3: Kategori Rumpun Bahasa dan Suku Kaum Orang Asli

Suku Bangsa	Suku Kaum	Lokasi Petempatan
Negrito	Kintak, Kensiu, Jahai, Mendriq, Bateq, Lanoh	Kedah, Perak, Kelantan dan Pahang. Mereka juga terdapat di Selatan Thailand
Senoi	Temiar, Semai, Che Wong Jahut, Semoq Beri, Mahmeri	Kelantan, Pahang, Perak, Selangor dan Terengganu
Melayu Proto	Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar, Orang Kuala	Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang

Sumber: Jaringan Orang Asli SeMalaysia (JOAS) 2008

